

Pemulihan Operasi Pasca-PKP



Panduan Visual Ringkas

Panduan Visual oleh Ar. Tan Bee Eu +
Pasukan dari BETA (BEu Tan Architect)

Berdasarkan “Garis Panduan Operasi Tempat Kerja
Pasca-PKP” oleh Penang Institute

3 Mei 2020

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

β
BETA

KERANGKA PANDUAN

02



PENGENALAN KEPADA PANDUAN 3 LANGKAH

Carta Alir Senarai Semak bagi Majikan

LANGKAH 1 : PENYEDIAAN RUANG FIZIKAL

Memahami Penjarakan Sosial
Penyesuaian Tempat Kerja Sedia Ada

LANGKAH 2 : PENGELASAN TENAGA KERJA


Melindungi Pekerja dan Perniagaan
Cadangan Tugasan Keperluan Utama

LANGKAH 3 : PROSEDUR KERJA PASCA-PKP

Prosedur Keselamatan, Kesihatan dan Pemeriksaan
Penyemakan Semula Prosedur HR
Etika Kerja Pekerja

PENGHARGAAN

MENGAPA PERLU PANDUANINI?



03

Pada 1 Mei 2020, Perdana Menteri telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan membenarkan permulaan kerja pelbagai kegiatan perniagaan dari 4 Mei 2020 (Isnin). Memandangkan jangka masa penyediaan adalah pendek, garis panduan rasional pelaksanaan Prosedur Operasi Standard yang selamat untuk tempat kerja adalah diperlukan dengan segera.


Panduan ini bertujuan untuk memudahkan peralihan bagi perniagaan berskala kecil buat masa yang tidak terjangka ini. Oleh itu, panduan ini telah dihasilkan dan tersedia untuk orang awam. Di samping mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa mengenai kawalan pergerakan, terdapat langkah-langkah tambahan yang harus diambil untuk memastikan penjarakan sosial yang berkesan dapat diamalkan di tempat kerja.

Oleh demikian, garis panduan visual ini sesuai untuk menguruskan tempat kerja selagi COVID-19 tetap menjadi ancaman kepada kesihatan orang ramai atau untuk kejadian di mana kesihatan awam mengalami ancaman yang serupanya.

3 LANGKAH UTAMA

Peringkat Penyediaan Ke Arah Pemulihan Operasi

01



MEMERIKSA
KEPERLUAN
RUANG

02



PERANCANGAN
TENAGA
KERJA

03



PROSEDUR
OPERASI
SERAGAM

04

Tiga langkah utama telah dicadangkan untuk memulakan perancangan dan proses membuat keputusan untuk memulihkan perniagaan:

1. Pertimbangan untuk keperluan ruang fizikal;
2. Pengelasan pekerja untuk tujuan operasi, dan;
3. Menyediakan prosedur operasi sebelum pemulihan operasi.


PANDUAN

Carta Alir 3-Langkah

01

ADAKAH PREMIS PERNIAGAAN ANDA TERSEDIA?

Adakah Penjarakan
Sosial mudah dicapai di
premis perniagaan anda
yang sedia ada?



TIDAK ?

Teruskan Bekerja
dari Rumah

Menyusun Semula
Tempat Kerja


Mengehadkan Skala
Operasi

YA ?

02

PERANCANGAN TENAGA KERJA

Pemulihan Operasi
dengan Berhati-hati



PENGAGIHAN

Tugasan Keperluan Utama

- Bekerja di Pejabat

Tugasan Bukan
Keperluan Utama

- Bekerja dari Rumah
- Jadual Kerja Gantian

03

PROSEDUR OPERASI SERAGAM

Menetapkan prosedur
dan protokol bagi
"Norma Baharu"



S.O.P

Kewajipan Majikan ke atas
Pemeriksaan dan Kebersihan

Etika Kerja Pekerja

Menyemak Semula
Prosedur HR

LANGKAH 01

Memahami Penjarakan Sosial




Mengapakah perlu mengekalkan jarak fizikal 2-meter?

COVID-19 menular terutamanya di kalangan orang yang berkонтak rapat (dalam jarak sekitar 6 kaki - lebih kurang 2-meter) untuk jangka masa yang lama. Penularan berlaku apabila orang yang dijangkiti tersebut batuk, bersin ataupun ketika pertuturan, rembesan-rembesan dari mulut atau hidung mereka akan tersebar ke udara dan mendarat pada mulut atau hidung orang-orang yang berhampirannya. Rembesan-rembesan tersebut juga akan tersedut ke dalam pepelu. Kajian terkini menunjukkan bahawa orang yang dijangkiti tetapi tidak mempunyai simptom-simptom juga berkemungkinan memain peranan dalam penyebaran COVID-19.

LANGKAH 01

Memahami Penjarakan Sosial



Bagaimana menyusun semula tempat kerja anda?

Cara yang ideal adalah mempunyai laluan selebar 2m dan menggunakan aliran sehala. Sekiranya tidak dapat dilakukan, maka tempat kerja selang-seli perlu dielakkan untuk memastikan Penjarakan Sosial.

Sekiranya anda tidak dapat mencapai susun atur yang ideal, maka topeng muka adalah diwajibkan untuk semua pekerja.

PENGAGIHAN SUMBER MANUSIA MENGIKUTI PENGUTAMAAN TUGASAN



TUGASAN KEPERLUAN UTAMA

Mengenalpasti tugasan keperluan utama untuk dijalankan di pejabat anda:

1. Operasi Kewangan, Pemfailan dan Perakaunan
2. Pengurusan Bangunan dan Keselamatan
3. Khidmat Pelanggan
4. Pekerja Mahir untuk Operasi In-Situ

LANGKAH 02

Perancangan Tenaga Kerja



TUGASAN BUKAN KEPERLUAN UTAMA

Mengenalpasti tugasan yang dapat dijalankan secara jarak jauh:

1. Operasi Berasaskan Laman Web dan Telefon
2. Pengurus, Perunding dan Penulis
3. Pereka atau Jurutera Perisian

KEWAJIPAN MAJIKAN KE ATAS PEMERIKSAAN DAN KEBERSIHAN



PEMERIKSAAN BERKALA

Pemeriksaan suhu badan perlu dilakukan secara berkala setiap hari ketika pekerja tiba di pejabat dan sebelum mereka meninggalkan pejabat.



PENGESANAN PERGERAKAN

Semua kakitangan mesti menyimpan rekod pergerakan sekurang-kurangnya 30 hari dengan maklumat seperti tempat kakitangan pernah melawati, tarikh, masa, dan nama orang yang pernah ditemui.

LANGKAH 03

Prosedur Operasi Seragam



MENYIMPAN LOG PELAWAT

Semua pelawat yang melawati premis termasuk pembekal, klien, dan pelanggan adalah perlu dicatat dengan butiran lawatan dan butiran peribadi.

KEWAJIPAN MAJIKAN KE ATAS PEMERIKSAAN DAN KEBERSIHAN



PEMBERSIHAN RUANG AWAM

Jadual pembersihan biasa pra-PKP mesti dilengkapi dengan jadual pembasmian kuman berkala pada kemudahan awam dalam premis seperti lif, tempat awam, tombol pintu, susur tangga, alat tulis dan sebagainya.



RUANG PERSENDIRIAN & PERIBADI

Pembersihan dan pembasmian kuman perlu dijalankan secara kerap ke atas meja sendiri. Semua pekerja dan pelawat digalakkan untuk membasmikan kuman tangan masing-masing, telefon, dan barang peribadi mereka secara kerap.

LANGKAH 03

Prosedur Operasi Seragam



KEBERSHIAN PENGANGKUTAN

Pengendali pengangkutan awam, seperti bas awam, bas sekolah, bas kilang, bas ekspres antara negeri, bas pelancongan, dan juga teksi atau perkhimatan e-hailing perlu mempertimbangkan jadual pembersihan berkala untuk kenderaan anda.

Pemulihan Operasi Pasca-PKP

PANDUAN VISUAL RINGKAS

Panduan Visual oleh Ar. Tan Bee Eu
+ Pasukan dari BETA (BEu Tan Architect)

3 Mei 2020

PENGHARGAAN

Panduan Visual ini adalah direka oleh Ar. Tan Bee Eu and Pasukan dari BETA (BEu Tan Architect) berserta input dari Penang Institute.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk dokumen asal “Garis Panduan Operasi Tempat Kerja Pasca-PKP” oleh Ong Siou Woon (Ketua Pegawai Operasi, Penang Institute), Tan Zhi Xian (Pegawai HR, Penang Institute), Ar. Tan Bee Eu (Arkitek & Ahli Akademik USM)

Penafian:

Artikel ini merupakan panduan rujukan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran organisasi yang menguruskan tempat kerja pada akhir tempoh PKP. Setiap organisasi digalakkan untuk bersikap adaptif dalam menerapkan cadangan di atas bergantung pada sifat perniagaan, saiz organisasi, persekitaran dan lokasi kerja, dan faktor-faktor lain yang berkaitan.